

"Dewasa ini purata ibubapa yang gagal mendidik anak-anak ke arah pengamalan Islam secara syumul begitu ketara sekali dan semakin membimbangkan . Impaknya dapat dilihat dengan jelas dalam senario kehidupan anak – anak itu sendiri . Hal ini jika berterusan akan merosakkan diri mereka, kasih sayang terhadap ibubapa mereka, hubungan antara keluarga , orang tua dan ahli masyarakat setempat . Lebih jauh lagi , tempiasnya akan tersebar terhadap Islam dan negara.

Faktor penyebabnya ialah bapa , selaku ketua , pemimpin dan pelindung terhadap keluarga , dan ibu selaku penasihat dan penggerak kepada peranan bapa. Malangnya peranan ini gagal dilaksanakan , Antara kesilapan yang dilakukan ialah :

1. Kurang penekanan terhadap kewajipan solat – tidak mengajar anak solat dengan betul dari segi bacaan dan perbuatan kerana sifat menyerah tanggungjawab tersebut kepada ustaz di sekolah atau kelas Fardhu ‘ain . Kalau anak – anak solatpun tidak pernah diuji secara praktikal atau diperhati betul salahnya solat tersebut.. Begitu juga , jika dibawa anak – anak ke masjid , ibu bapa tidak mengambil pusing anak – anak mereka sama ada mereka sudah masuk saf atau tidak . Apasalahnya jika jarang – jarang ibubapa solat dibelakang anak –anak. Dalam hal ini ada kalangan ibubapa yang tidak memaksa secara tegas supaya anak – anak solat seperti solat Subuh atas alasan kasihan (melihat mereka nyenyak tidur) dan juga semasa menghadiri sesuatu majlis keraian , kenduri, perayaan dan seumpamanya.

2. Tidak memberi perhatian terhadap pembelajaran bacaan Al Quran anak –anak . Anak – anak tidak ditanya atau menyuruh membaca semula apa yang pelajari pada hari itu dalam bentuk ulangkaji . Juga tidak ditanya guru Al Quran tentang kemajuan dan sikap anak – anak semasa belajar samatelah untuk memberi kuasa veto kepada si guru bagi merotan anak- anak mereka.

3. Tidak memberi rangsangan dalam bentuk hadiah dan pujian terhadap anak – anak yang cemerlang dalam solat , bacaan Al Quran (hafalan lagi baik) dan hafalan wirid serta doa.

4. Tidak menanam sikap kecintaan kepada Allah S.W.T dan Rasulullah S.A.W.
5. Tidak mengambil kesah pemakanan anak – anak sama ada di rumah atau di luar yang kebanyakan bersumberkan subahah seperti ajinomoto , makanan segera , minuman berkarbonat dan lain – lain lagi. Atau bersumberkan pembelian wang haram atau subahah.
6. Membiarkan anak – anak bergaul bebas tanpa memerhatikan latar belakang kawan – kawan mereka dari segi penjagaan solat , latar pendidikan , akhlak dan keluarga (faktor pengaruh) Walau bagaimanapun anak –anak tidak boleh dikongkong kerana akan menghalang kematangan mereka dalam pergaulan.
7. Memberi kebebasan berpakaian tanpa menutup aurat khususnya anak perempuan. Ramai ibubapa golongan baru segaja memilih dan mengatur pakaian anak- anak mengikut ‘trend’ zaman ini . Sepatutnya anak –anak perlu diajar cara pakaian bersopan bermula zaman awal kanak-kanak lagi . Ingat , panas akhirat mengatasi panas dunia!
8. Terlalu menekankan kecemerlangan akademik dengan menghantar tuisyen petang dan malam serta hujung minggu (tuisyen sekolah dan persendirian : tidak semua tetapi ada) sehinggakan anak – anak menjadi letih tetapi mengabaikan pendidikan Islam .
9. Membiarkan anak- anak menonton hiburan melampau dan drama yang tidak bermoral , mendengar muzik barat / cinta serta membaca novel cinta , majalah hiburan yang diketahui tiada motif / unsur mendidik rohani .
10. Tidak membawa anak – anak menziarahi kubur yang bertujuan untuk mengingatkan hari penyudah hidup.
11. Tidak membawa anak – anak terutamanya anak yang remaja berziarah ke rumah ahli keluarga dan saudara mara sambil memperkenalkan antara satu sama lain.

12. Tidak memanggil anak-anak supaya bersalam dan bermesra dengan tetamu yang datang ke rumah (tetapi dengan menjaga adab kesopanan)

13. Tidak memperjelaskan hukum hakam agama dalam semua aspek kehidupan baik rohani , jasmani dan ketuhanan Allah Yang Maha Esa.

14. Tidak menanam sikap menolong orang susah , fakir dan miskin serta amalan bersedekah .

15. Ibapa tidak menunjukkan contoh yang baik selaras dengan kehendak Islam.

16. Ibubapa terlalu mengejar dunia sehingga semua di atas tidak terlaksana!

Sekian daripada saya. Marilah kita sama – sama mengambil pedoman lebih – lebih lagi diri saya . Ingatlah bahawa anak – anak itu adalah permata hati kita dan juga salah satu penyebab penentu sama ada kita duka atau bahagia di akhirat kelak . Janganlah kita menyesal semasa di alam barzakh kelak kerana apa yang dilakukan oleh anak –anak sesungguhnya sahamnya tetap mengalir kepada kita , amalan baik berbahagialah kita , kalau jahat celakalah kita .

Seperkara lagi , dunia sedang menuju ke arah kemusnahan yang sangat hampir. Peperangan , bencana bumi berlaku di sana sini , maksiat dan kemungkaran tanpa henti bahkan disanjung pula . Siapa yang akan menyelamatkan Islam kalau bukan kita dan anak – anak kita serta zuriat keturunan kita . Macamanapun usaha ini akan berjaya JIKA dengan USAHA KITA selaku ibubapa dalam pembentukan sahsiah anak – anak BERTERASKAN ALQURAN DAN HADIS. Wallahu'alam .